

**PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM  
PENYELIDIKAN  
(RAYUAN KEPUTUSAN PENILAIAN TESIS)  
(P4-5.2016)**

## 1.0 RAYUAN

- 1.1 Pelajar dibenarkan membuat rayuan terhadap keputusan penilaian tesis sepertimana yang dinyatakan dalam Peraturan Akademik Pascasiswazah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- 1.2 Sesuatu rayuan terhadap keputusan penilaian tesis boleh dipertimbangkan apabila ia berdasarkan kepada alasan berikut:
  - 1.2.1 Terdapat keadaan yang telah mengganggu pencapaian pelajar yang mana Panel pemeriksa tidak mengetahuinya semasa penilaian.
  - 1.2.2 Adanya bukti yang menunjukkan percanggahan prosedur dalam mengendalikan penilaian tesis seperti kesilapan markah dan kesilapan membuat laporan penilaian. Keadaan ini telah menyebabkan keraguan yang mana keputusan penilaian tesis boleh berbeza sekiranya perkara tersebut tidak berlaku.
  - 1.2.3 Ada bukti yang menunjukkan terdapat ketidakadilan atau penilaian yang tidak betul daripada seorang atau lebih pemeriksa.
- 1.3 Pelajar tidak dibenarkan untuk mempertikaikan perakuan yang dibuat oleh Panel pemeriksa berkaitan dengan nilai akademik.
- 1.4 Sebarang aduan mengenai penyeliaan yang kurang baik atau berkaitan pengurusan sebelum penghantaran draf akhir tesis ke Pusat Pengajian Siswazah, tidak boleh dijadikan sebahagian daripada alasan yang boleh diterima untuk rayuan.
- 1.5 Pelajar mestilah memberikan notis untuk mengemukakan rayuan dalam masa empat belas (14) hari selepas keputusan penilaian tesis dimaklumkan.
- 1.6 Rayuan hendaklah dihantar secara bertulis kepada Dekan Pusat Pengajian Siswazah melalui Penyelia pelajar dengan perakuan dan sokongan Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti (JKPSF).
- 1.7 JKPSF perlu menyediakan laporan yang mengandungi justifikasi sokongan kepada rayuan.
- 1.8 Pusat Pengajian Siswazah menerusi Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah (JAPS) akan bertanggungjawab mentafsir dan menggunakan peraturan UTHM untuk menentukan kedudukan rayuan pelajar.
- 1.9 Pelajar hanya dibenarkan membuat rayuan **sekali** sahaja.

## 2.0 PROSEDUR RAYUAN

- 2.1 Satu Panel Rayuan akan ditubuhkan oleh Pusat Pengajian Siswazah di mana Pengerusi Jawatankuasa Pengajian Siswazah (JKPS) atau wakilnya akan bertindak sebagai pengerusi panel.

- 2.2 Panel Rayuan yang dilantik terdiri daripada:
- 2.2.1 Sekurang-kurangnya dua (2) orang ahli yang berpengalaman memeriksa tesis pelajar program secara mod penyelidikan,
  - 2.2.2 Mempunyai pengalaman menyelia pelajar program secara mod penyelidikan dan tiada “penglibatan sebelumnya” dalam kes rayuan yang dibuat,
  - 2.2.3 Bukan ahli dalam JAPS, dicadangkan oleh JAPS dan dilantik oleh Dekan Pusat Pengajian Siswazah bagi pihak UTHM.
- 2.3 “Penglibatan sebelumnya” ditakrifkan sebagai pernah menyelia, menasihati, membimbing pelajar atau berbincang dengan penyelia yang bersangkutan dengan penyelidikan pelajar.
- 2.4 Lantikan baharu ahli panel akan dibuat sekiranya terdapat bukti bahawa ahli tersebut pernah terlibat sebelumnya dalam kes rayuan yang dibuat. Penglibatan dalam pemilihan sebagai calon pemeriksa pelajar sebagai ahli JKPSF tidak dikira sebagai satu penglibatan sebelumnya.
- 2.5 Panel Rayuan akan mempertimbangkan **keterangan bertulis** mengikut keperluan iaitu termasuk:
- 2.5.1 Keterangan bertulis dari pelajar.
  - 2.5.2 Laporan yang disediakan oleh JKPSF.
  - 2.5.3 Laporan viva (Borang Laporan Pengerusi).
  - 2.5.4 Tesis pelajar.
  - 2.5.5 Sebarang dokumen sokongan yang berkaitan (jika perlu).
- 2.6 Pelajar boleh dipanggil dan menerangkan mengenai permohonan rayuan atas keperluan Panel Rayuan.
- 2.7 Panel Rayuan boleh meminta pengerusi dan/atau panel pemeriksa viva untuk hadir, jika perlu.
- 2.8 Prosiding daripada Panel Rayuan adalah **sulit** dan **terhad** kepada ahli Panel Rayuan, JAPS, JKPS dan Senat sahaja. Pelajar tidak dibenarkan sama sekali melihat laporan daripada Panel Rayuan.
- 2.9 Panel Rayuan akan menyemak kesahihan kes rayuan pelajar. Perbincangan bersama ahli Panel Rayuan akan memutuskan sama ada keputusan akhir daripada pemeriksa itu adalah adil atau sebaliknya.
- 2.10 Jika Panel Rayuan mendapati kes rayuan pelajar boleh dipertimbangkan maka:
- 2.10.1 Panel pemeriksa akan dimaklumkan oleh Pusat Pengajian Siswazah mengenai keputusan rayuan.

- 2.10.2 Panel Pemeriksa akan diberi jaminan bahawa isu yang akan diambil perhatian oleh Panel Rayuan hanya mengikut had yang diperuntukkan oleh prosedur rayuan untuk kajian semula keputusan penilaian tesis.
  - 2.10.3 Panel pemeriksa akan dimaklumkan berkaitan keputusan kajian semula oleh Panel Rayuan.
- 2.11 Pusat Pengajian Siswazah akan mengambil tindakan terhadap keputusan Panel Rayuan.

### **3.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PANEL RAYUAN**

- 3.1 Bersidang untuk menyemak dan meneliti dokumen rayuan.
- 3.2 Menilai dan menentukan sama ada kes rayuan tersebut perlu diteruskan atau tidak.
- 3.3 Bersidang secara khas bersama pelajar dan/atau Pengerusi dan/atau Pembantu pengerusi (sekiranya ada) dan/atau Panel pemeriksa viva (Jika perlu).
- 3.4 Menyedia dan mengemukakan laporan keputusan Panel Rayuan kepada JKPS.
- 3.5 Panel Rayuan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keputusan yang dibuat.
- 3.6 Panel Rayuan hanya mengikut had yang diperuntukkan oleh prosedur rayuan untuk kajian semula keputusan penilaian tesis.

### **4.0 KUASA DAN KEPUTUSAN PANEL RAYUAN**

- 4.1 Menolak rayuan pelajar.
- 4.2 Memanggil Pengerusi viva dan Pembantu pengerusi viva (sekiranya ada) untuk hadir memberi keterangan.
- 4.3 Memanggil Panel pemeriksa viva untuk hadir memberi keterangan.
- 4.4 Memanggil pelajar untuk hadir memberi keterangan.
- 4.5 Mencadangkan kepada Panel pemeriksa asal supaya menimbang semula keputusan mereka mengikut peraturan dan prosedur yang diluluskan.
- 4.6 Mencalonkan pelantikan panel pemeriksa tesis yang baharu.